

Muhyiddin nafi terlibat arah guru bantah PBS tukar ke sekolah pedalaman

Malaysian Insider

Feb 24, 2014

OLEH HASBULLAH AWANG CHIK DAN DIYANA IBRAHIM

Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menafikan penglibatannya dalam arahan pertukaran guru yang diminta berpindah akibat menentang Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) pada minggu lalu.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata arahan pertukaran tersebut mungkin dikeluarkan oleh pejabat pendidikan daerah yang masih belum diketahui sebabnya sama ada berkaitan PBS atau sebaliknya.

"Saya nak nyatakan, saya tak keluarkan apa-apa arahan untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana guru termasuk mereka yang dalam Suara Guru Masyarakat Malaysia (SGMM).

"Kalau ada mungkin di peringkat pentadbiran daerah. Saya tak tahu sebab musabab adakah kerana fakta yang lain atau hanya atas sebab dia menyuarakan ketidakpuasan hati tentang PBS," katanya kepada pemberita dalam lawatan kerjanya bertemu penduduk Kajang hari ini.

Presiden SGMM Mohd Nor Izzat Mohd Johari pada minggu lalu dilaporkan diarahkan untuk bertukar ke sebuah sekolah pedalaman setelah dipercayai menentang pelaksanaan PBS oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sementara itu Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh turut menafikan arahan pertukaran guru tersebut adalah datang daripada beliau.

Dalam sidang medianya sebentar tadi, beliau berkata arahan penukaran tersebut adalah keputusan Pejabat Pelajaran Daerah.

"Bukan kita yang putuskan itu. Semuanya daripada pentadbiran negeri, kita ada pengarah negeri. Kalau semua kerja menteri nak buat maka tidak adalah kerja diaorang," katanya kepada pemberita.

Beliau juga turut menafikan arahan pemansuhan sistem PBS adalah kerana desakan guru-guru yang mengkritik pelaksanaan tersebut.

"Ini berkaitan dengan pelaksanaan sahaja, kita mengambil kira semua pandangan dan kajian dilakukan selama dua tahun serta 55,000 ribu rakyat di negara ini apabila dahulunya ibu bapa merungut terlalu banyak peperiksaan yang perlu pelajar lalui jadi inilah sistemnya.

"Pemansuhan bukan kerana desakan dan tidak diputuskan dalam masa semalam dan mengenai detailing (data) juga kita sedang mengkaji buat masa ini guru-guru hanya perlu fokus pada pengajaran," katanya.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas lanjut mengenai status Penilaian Menengah Rendah (PMR) Idris berkata ia turut akan diputuskan semasa tempoh pemansuhan.

"Mengenai itu, kita sedang mengkaji dan apa pun kita akan umumkan dalam sistem baru PBS 1 April ini," katanya.

Sabtu lalu, SGMM mengadakan protes sebagai gesaan PBS untuk dimansuhkan dan sekolah kembali kepada sistem peperiksaan semula.

Ketua SGMM berkata, pihaknya sudah menyediakan memorandum dan akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Selepas tiga tahun dilaksanakan, PBS telah menyebabkan bebanan sangat tinggi untuk guru-guru hatta pada hari rehat mereka.

"Tugas guru yang utama adalah mengajar, tetapi sejak PBS dilaksanakan, kerja utama telah menjadi memasukkan data dan tugas pengkeranian bukan lagi fokus kepada silibus," katanya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-nafi-terlibat-arah-guru-bantah-pbs-tukar-ke-sekolah-pedalaman>